Pelajaran 1 Permainan Wau

Baca petikan di bawah.



Wau merupakan permainan tradisional orang Melayu, permainan ini dimainkan selepas musim menuai.

Wau diperbuat daripada buluh dan kertas. Mereka yang membuat wau mempunyai kemahiran yang tinggi. Wau kelihatan menarik dengan hiasan dan ukiran tertentu.

Wau menjadi daya tarikan pelancong ke negara ini. Para pelancong akan membeli wau yang cantik untuk dibawa pulang sebagai cenderamata. Wau yang paling terkenal ialah wau bulan.

Kosa kata

menuai	: Mengetam (padi), memotong padi dengan tuai.
hiasan	: Segala yang digunakan untuk menghiasi sesuatu.
ukiran	: Sesuatu yang telah diukirkan, lukisan yang terukir.
daya tarikan	: Kemampuan atau kekuatan membangkitkan perhatian atau minat seseorang.

LIVEWORKSHEETS

A: Isikan tempat kosong dengan kata-kata yang disediakan.

Wau	buluh	Melayu	Wau bulan	permainan
hiasan	hujan	ukiran	menuai	kertas

1. Wau adalah ..... tradisional orang ..... .
2. ..... dimainkan selepas musim .....
3. Wau diperbuat daripada..... dan .....
4. Wau yang paling terkenal ialah.....
5. Wau kelihatan menarik dengan ..... dan .....

B: Tandakan alamat ✓ pada gambar <u>wau bulan</u>



Nama..... kelas 6 Nombor.....

LIVEWORKSHEETS